

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 19 DISEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat kajian laluan perkapalan yang telah, sedang dan berpotensi untuk menggunakan pelabuhan-pelabuhan di Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Apakah statistik penggunaan perkapalan bagi pelabuhan-pelabuhan di Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kajian yang dijalankan oleh pihak World Bank Group antara lain telah merumuskan bahawa harga sesuatu barangan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bergantung kepada komponen kos yang terlibat di dalam rantai pembekalan dan logistik. Ini termasuk kos pengeluaran, kos perkhidmatan perkapalan (seaborne freight), kos hinterland connectivity, kos perkhidmatan agen penghantar (freight forwarders), kos pergudangan dan kos perkhidmatan agen perniagaan/wholesale traders.
2. Kementerian Pengangkutan telahpun mengambil langkah-langkah proaktif sejak tahun 2016 dengan mengadakan perbincangan dan dialog secara berkala dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak termasuk sektor industri dalam usaha meningkatkan kecekapan dan produktiviti pelabuhan di negeri-negeri berkenaan.
3. Selaras dengan itu, Kerajaan telah mengecualikan Dasar Kabotaj bermula pada 1 Jun 2017 di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, namun keberkesanan dasar pengecualian berkenaan amat bergantung kepada peningkatan produktiviti pelabuhan dan penggiatan aktiviti ekonomi di negeri-negeri berkenaan dalam menjana kargo bagi menarik syarikat-syarikat perkapalan antarabangsa menjadikan pelabuhan-pelabuhan Malaysia Timur sebagai port of call.
4. Kerajaan berpandangan adalah terlalu awal untuk menilai dan merumuskan kesan daripada pasca liberalisasi Dasar Kabotaj di Malaysia Timur. Dalam hal ini, Kerajaan memerlukan satu tempoh munasabah yang minimum iaitu 24 hingga 36 bulan untuk membuat penilaian yang wajar berhubung hala tuju pelaksanaan liberalisasi Dasar Kabotaj di Malaysia Timur.
5. Berdasarkan rekod, statistik bilangan singgahan kapal di pelabuhan-pelabuhan di negeri Sabah dan Sarawak secara

NO. SOALAN: 19

keseluruhannya menunjukkan penurunan sebanyak 4% iaitu daripada 22,496 buah kapal pada tahun 2016 kepada 21,552 buah kapal pada tahun 2017. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, bilangan singgahan kapal asing yang singgah di negeri Sabah dan Sarawak adalah sebanyak 7,504 buah kapal pada tahun 2017 berbanding 8,520 buah kapal pada tahun 2016 iaitu penurunan pada kadar 12%. Namun, bilangan singgahan kapal tempatan menunjukkan peningkatan sebanyak 1% iaitu daripada sebanyak 13,976 buah kapal pada tahun 2016 kepada 14,048 buah kapal pada tahun 2017.

6. Bagi negeri Sabah, bilangan singgahan kapal asing yang direkodkan adalah sebanyak 3,766 buah kapal pada tahun 2017 dan sebanyak 4,495 buah kapal pada tahun 2016. Jumlah tersebut menunjukkan penurunan pada kadar 16%. Manakala bilangan singgahan kapal tempatan juga menunjukkan penurunan pada kadar 10% iaitu sebanyak 6,147 buah kapal pada tahun 2017 daripada 6,793 buah kapal pada tahun 2016.
7. Bagi negeri Sarawak pula, bilangan singgahan kapal asing yang direkodkan adalah sebanyak 3,738 buah kapal pada tahun 2017 dan sebanyak 4,025 buah kapal pada tahun 2016 iaitu penurunan pada kadar 7%. Namun demikian, bilangan singgahan kapal tempatan pula menunjukkan peningkatan pada kadar 10% iaitu daripada sebanyak 7,183 buah kapal pada tahun 2016 kepada 7,901 buah kapal pada tahun 2017.

*statistik jumlah kapal di negeri Sabah adalah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

Sekian, terima kasih.